



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*) DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan serta berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan sedia ada bertaraf tetap/kontrak seperti berikut:

| JAWATAN / GRED                                | PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN /<br>PENGKHUSUSAN  |
|---|---|
| i. Pegawai Tadbir Gred N9 (Kontrak)           | <b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menara PTPTN, Kuala Lumpur</li></ul> <b>Pengkhususan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Pemasaran (Analisis trend dan kajian pasaran serta kehendak pelanggan)</li><li>Pembangunan Perniagaan dan Produk</li></ul> |
| ii. Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 (Kontrak) | <b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menara PTPTN, Kuala Lumpur</li></ul> <b>Pengkhususan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Sains Komputer/ Kejuruteraan Komputer/ Teknologi Maklumat</li></ul>  |

## I) PEGAWAI TADBIR GRED N9

| <b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>                | : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN   |                               |                              |                               |  |          |           |
|--|--|-------------------------------|------------------------------|-------------------------------|--|----------|-----------|
| <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>                   | : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL   |                               |                              |                               |  |          |           |
| <b>TARAF JAWATAN</b>                           | : KONTRAK  |                               |                              |                               |  |          |           |
| <b>PUSAT TEMU DUGA &amp; PENEMPATAN</b>        | : MENARA PTPTN, KUALA LUMPUR   |                               |                              |                               |  |          |           |
| <b>JADUAL GAJI MINIMUM<br/>MAKSIMUM (JGMM)</b> | <table border="1"><thead><tr><th></th><th><b>GAJI MINIMUM<br/>(RM)</b></th><th><b>GAJI MAKSIMUM<br/>(RM)</b></th></tr></thead><tbody><tr><td></td><td>2,250.00</td><td>11,110.00</td></tr></tbody></table> |                               | <b>GAJI MINIMUM<br/>(RM)</b> | <b>GAJI MAKSIMUM<br/>(RM)</b> |  | 2,250.00 | 11,110.00 |
|  | <b>GAJI MINIMUM<br/>(RM)</b>   | <b>GAJI MAKSIMUM<br/>(RM)</b> |                              |                               |  |          |           |
|  | 2,250.00   | 11,110.00                     |                              |                               |  |          |           |

### SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

### KEUTAMAAN/PENGKHUSUSAN CALON:

#### A) PEMASARAN (ANALISIS TREND DAN KAJIAN PASARAN SERTA KEHENDAK PELANGGAN)

Pengalaman/Kemahiran:

- Berkebolehan menganalisis data pelanggan seperti urusan jual beli, pilihan produk, tabiat pembelian, maklum balas pelanggan dan data lain;
- Mampu mengenal pasti corak trend dan pandangan yang membantu PTPTN memahami pelanggan dengan lebih baik;
- Berkebolehan mengenal pasti dan mengkelaskan pelanggan ke dalam kategori yang berbeza berdasarkan ciri-ciri dan tindakan mereka;
- Mencadangkan strategi pemasaran dan tawaran produk kepada kumpulan pelanggan baharu;
- Berkemahiran membuat ramalan mengenai tindakan masa depan pelanggan. Sebagai contoh, boleh meramalkan peningkatan jualan semasa musim perayaan berdasarkan corak tahun-tahun sebelumnya;
- Melakukan survey dan menganalisis maklum balas pelanggan untuk memahami sejauh mana kepuasan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan PTPTN.

- Dapat membantu PTPTN mengenal pasti skop dan bidang yang perlu ditambah baik;
- Berdasarkan analisis data dan pandangan yang diperolehi, pegawai berkebolehan memberikan cadangan kepada PTPTN mengenai cara meningkatkan pengalaman pelanggan, mengembangkan produk baru, atau mengoptimumkan strategi pemasaran;
- Bekerjasama dengan pasukan pemasaran, pembangunan produk, perkhidmatan pelanggan, dan analisis data yang lain. Ini membantu menggabungkan pandangan pelanggan ke dalam pelbagai aspek operasi PTPTN;
- Sentiasa mengikuti perkembangan dalam industri dan trend tingkah laku pelanggan untuk memastikan PTPTN sentiasa mempunyai pemahaman yang mendalam tentang pelanggannya; dan
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

## **B) PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PRODUK**

Pengalaman/Kemahiran:

- Mengkaji, memahami dan merealisasikan keperluan pelanggan dan trend semasa untuk memperbaiki produk sedia ada atau membangunkan produk baharu;
- Mengendalikan aktiviti penyelidikan dan membangunkan rangka kerja untuk inovasi produk dengan memastikan konsep syariah dipatuhi;
- Menguruskan aktiviti ujian dan aktiviti perintis produk bagi produk baharu;
- Memantau, membuat kajian pasaran dan membangunkan analisis persaingan produk dan perkhidmatan;
- Membuat analisis pasaran berdasarkan keperluan pelanggan untuk mewujudkan keperluan kempen/produk;
- Menganalisis dan menyediakan laporan keberkesanan (kajian impak) terhadap produk baharu dan penambahbaikan produk;
- Menganalisis dan mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang diterima oleh Bahagian melalui sistem MyIdea; dan
- Menyediakan kertas pertimbangan untuk kelulusan Lembaga Pengurusan PTPTN/ Pengurusan PTPTN.

## **II) PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**  
**PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN** : **MENARA PTPTN, KUALA LUMPUR**

| <b>JADUAL GAJI MINIMUM<br/>MAKSIMUM (JGMM)</b> | <b>: GAJI MINIMUM<br/>(RM)</b> | <b>GAJI MAKSIMUM<br/>(RM)</b> |
|--|--------------------------------|-------------------------------|
|  | 1,650.00                       | 6,620.00                      |

### **SYARAT LANTIKAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); dan
- (iv) Diploma bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

### **KEUTAMAAN/PENGKHUSUSAN CALON:**

#### **A) SAINS KOMPUTER/ KEJURUTERAAN KOMPUTER/ TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Pengalaman/Kemahiran:

- Mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam pengoperasian perkakasan dan perisian rangkaian dan keselamatan, operasi *backup*, pangkalan data, *server* dan *storage*;
- Mempunyai kemahiran dalam menggunakan dan menguruskan sistem penyimpanan seperti *Network Attached Storage* (NAS) atau *Storage Area Network* (SAN);

- Mempunyai kemahiran dalam mengendalikan perisian *backup* dan *storage*;
- Mempunyai kemahiran untuk menganalisis data penyimpanan dan *backup* untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah;
- Mempunyai kemahiran dalam memantau prestasi sistem penyimpanan dan *backup* serta menyediakan laporan berkala;
- Mempunyai kefahaman berkenaan pematuhan peraturan dan standard keselamatan data yang relevan;
- Mempunyai kemahiran komunikasi dan pengurusan masa yang baik; dan
- Mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah (*problem solving*) yang baik.

## CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) **sebelum 11.59 malam, Isnin, 17 Mac 2025** di pautan (*link*) :

<https://www.ptptn.gov.my/ejawatan/>

## MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON

(a) **E-MEL DAN NOMBOR TELEFON YANG MASIH AKTIF**

Sila pastikan e-mel dan nombor telefon adalah aktif.

(b) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

(c) **ARAHAN BERTUGAS DI MENARA PTPTN / PEJABAT NEGERI PTPTN (PPN)**

Pegawai boleh diarah berkhidmat di Jabatan/Bahagian di Menara PTPTN atau Pejabat Cawangan PTPTN seluruh negara.

(d) **CATATAN AM**

Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temu duga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.